

SURAT SETUJU TERIMA

MPC(PCT)100.2/6 Jld 2

29 Januari 2021

KTA (Sarawak) Sdn Bhd
 Lot 8650-3, Section 64,
 Jalan Simpang Tiga
 93350 Kuching, Sarawak
 (U/P : Rudy Zulfika bin Yusof)

Tel: 082-421133
 Faks: 082-426159

TAWARAN LANTIKAN UNTUK PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING FIZIKAL SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING.

Adalah saya dengan hormatnya dimaklumkan bahawa berdasarkan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah dipersetujui, Perbadanan Produktiviti Malaysia bersetuju melantik firma tuan sebagai perunding dengan kaedah bayaran secara Skala Yuran Piawai bagi projek seperti berikut:

Perkara	Maklumat
Nama Projek	<i>Perunding Kerja – kerja Tanah (“Consultant Earthworks”), Pembinaan Pagar & Pembaikan Bangunan Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak.</i>
Kos Projek	Jumlah Keseluruhan: RM 204,500.00 (tidak termasuk 6% SST) (Rujuk Lampiran A1)
Kaedah Perolehan	Lantikan Terus Berserta Kos Siling
Bidang Perunding	330101 Perkhidmatan Perunding Fizikal / Kejuruteraan / Kejuruteraan Awam 330102 Perkhidmatan Perunding Fizikal / Kejuruteraan / Kejuruteraan Struktur
Perjanjian Piawai yang digunakan	Form CSA 2014 – Engineering (Amendment 2018)
Skop Perkhidmatan	Lampiran A2 (<i>Terms of Reference</i>)
Tempoh Perkhidmatan	36 bulan (Februari 2021 – Januari 2024)

2. Pihak tuan adalah diingatkan bahawa perbelanjaan imbuhan balik hendaklah mengikut perbelanjaan sebenar berdasarkan prinsip yang mana lebih rendah dan tidak melebihi kos yang telah dipersetujui dan kos imbuhan balik boleh dibayar mengikut peringkat kemajuan atau secara bulanan selaras dengan syarat-syarat kontrak.
3. Dengan penerimaan tawaran pelantikan ini, suatu ikatan kontrak terwujud di antara Kerajaan dengan tuan. Suatu perjanjian formal akan disempurnakan kemudiannya dengan memasukkan semua terma perjanjian sebagaimana yang dipersetujui. Pihak tuan haruslah memberikan dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC. Tempoh perkhidmatan adalah selama 36 bulan bermula pada 1 Februari 2021 sehingga 31 Januari 2024.
4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada pembekalan perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada MPC dokumen-dokumen berikut:

*(a) suatu polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional yang diambil atas nama syarikat tuan;

(b) jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan

(c) senarai nama kakitangan perunding yang terlibat dalam projek/kajian ini berserta peranan masing-masing

seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A tidak melebihi **14 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan**. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan MPC tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)* seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A. MPC juga berhak menolak apa-apa *deliverables* sekiranya *deliverables* tersebut tidak memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC dan dikemukakan semula selaras dengan dengan kualiti dan tempoh yang ditetapkan.
6. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:
- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
 - (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Perunding Berjaya;
 - (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
 - (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu / syarikat lain;
 - (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Lantikan Terus Berserta Kos Siling sehingga dokumen kontrak ditandatangani;

- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen Lantikan Terus Berserta Kos Siling;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi / pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (l) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (m) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.
8. Bersama-sama Surat Akuan Perunding Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

9. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan MPC tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN
YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC(PCT)100.2/6 Jld 2 bertarikh 29 Januari 2021 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen sebut harga / tender dan Surat ini telah dikenakan.



.....
Tandatangan Perunding

Nama Penuh: RUDY ZULFIKA BIN YUSOF

No. Kad Pengenalan: 770922-13-5413

Alamat: LOT 8650-3, SECTION 64
JALAN SIMPANG TIGA
93350 KUCHING, SARAWAK



.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh: LIEW SIAW KIAT

No. Kad Pengenalan: 730624-13-5099

Alamat: LOT 8650-3, SECTION 64
JALAN SIMPANG TIGA
93350 KUCHING, SARAWAK

Tarikh: 5 February 2021

Tarikh: 5 February 2021

Meterai atau Cop Perunding



Tarikh: 5 February 2021

BUTIRAN KONTRAK

Perunding Kerja – kerja Tanah (“Consultant Earthworks”), Pembinaan Pagar & Pembaikan Bangunan Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak.

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (jika berkaitan)**
 - 1.1 No. Pendaftaran : 53003-D (197901008719).....
 - 1.2 Tempoh Sah Laku :
2. **Pendaftaran Syarikat Dengan Lembaga Profesional (jika berkaitan)**
 - 2.1 No. Pendaftaran : 2189-1360-00000-BC-66 (Lembaga Jurutera Malaysia)
 - 2.2 Tempoh Sah Laku : 01 Januari - 31 December 2021
3. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)**
 - 3.1 No. Pendaftaran : 464-00000025
 - 3.2 Tempoh Sah Laku : 18 September 2020 - 17 September 2023
 - 3.3 Kod Bidang : 330101, 330102, 330103, 330104
 - 3.4 Ekuiti Bumiputera : 33.5%
4. **Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar), sekiranya berkaitan**
 - 4.1 No. Pendaftaran : Y60-1808-31038148
 - 4.2 Tarikh Kuat Kuasa : 1 September 2018
5. **Harga dan Tempoh Kontrak**
 - 5.1 Harga LTBS (butiran harga seperti di **Lampiran A1**) : RM 204,500.00

Lampiran A1 adalah butiran kos perunding melibatkan yuran dan imbuhan balik

 - 5.2 Peruntukan Cukai Perkhidmatan (sekiranya berkaitan) : RM
 - 5.3 Harga Kontrak : RM

5.4 Tempoh Kontrak : 36 Bulan
5.5 Tarikh Mula Perkhidmatan : 1 Februari 2021
5.6 Tarikh Tamat Perkhidmatan : 31 Januari 2024

6. **Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding**

* Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**
Lampiran A2 akan disediakan oleh Agensi

7. ***Polisi Insurans Tanggung Ruqi Profesional (jika berkaitan)**

7.1 Nilai Polisi : RM. 8,000,000.00
7.2 Tempoh : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh
Perindungan Tanggungan Kecacatan

8. **Kenaan Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**

(Lewat mengemukakan deliverables yang telah dipersetujui)

8.1 Formula :
$$\frac{\text{Base Lending Rate}}{100} \times \frac{\text{Yuran Perunding}}{365}$$

(tertakluk minimum RM100 sehari)

8.2 Kadar sehari : RM.....

*potong mana yang tidak berkenaan

SURAT AKUAN PERUNDING BERJAYA
Perunding Kerja-Kerja Tanah ("Consultant Earthworks"), Pembinaan Pagar &
Pembaikan Bangunan di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah
Sarawak

Saya, **RUDY ZULFIKA BIN YUSOF** nombor **K.P. 770922-13-5413** yang mewakili **KTA (SARAWAK) SDN BHD**, nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) **53003-D (197901008719)** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *lantikan terus beserta kos siling (LTBKS)/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *LTBKS/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *LTBKS/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *LTBKS/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,



RUDY ZULFIKA BIN YUSOF
770922-13-5413

Cop Syarikat:



Catatan:

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya..... RUDY ZULFIKA BIN YUSOF nombor kad pengenalan 770922-13-5413
yang mewakili syarikat KTA (SARAWAK) SDN BHD nombor pendaftaran..53003-D.(197901008719)
(*MOF/Lembaga Profesional/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan
sebenar-benarnya diakui oleh

.....
di... Kuching, Sarawak
pada 5 February 2021

Tandatangan.....



Di hadapan saya,

PHANG DAH NAN
Commissioner For Oaths
No. 55, 1st Floor,
Jalan Chan Bee Kiew.
Pesuruhjaya Sumpah,
93100 Kuching, Sarawak.



Catatan:

- *Potong mana yang tidak berkenaan.
- Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

PENGIRAAN KESELURUHAN ANGGARAN KOS PERUNDING (TERMASUK YURAN PERUNDING DAN KOS IMBUHAN BALIK)

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
(1) Yuran Perunding		
	A. Skala Yuran Piawai	102,960.00
JUMLAH (1)		102,960.00
(2) Kos Penyeliaan Pembinaan		
	A. Penyeliaan Pembinaan	66,150.00
JUMLAH (2)		66,150.00
(3) Kos Imbuhan Balik		
	i. Kos Perhubungan	3,600.00
	ii. Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan	2,190.00
	iii. Kos Bagi Menjalankan Kajian Tanah dan Ukur Topographi	20,000.00
	iv. Elaun Tapak bagi Penyeliaan Pembinaan	9,600.00
JUMLAH (3)		35,390.00
JUMLAH KESELURUHAN KOS PERUNDING (1)+(2)+(3)		204,500.00

Peringkat pembayaran Skala Yuran Piawai adalah merujuk kepada jadual di bawah:

Bil.	Peringkat / Fasa	Pembayaran (RM- tidak termasuk SST)
1.	Peringkat Awal (Laporan Awal) -15%	15,444.00
2.	Peringkat Rekabentuk (Interim) – 30%	30,888.00
3.	Peringkat Rekabentuk (Akhir) – 15%	15,444.00
4.	Peringkat tender – 5%	5,148.00
5.	Peringkat pembinaan – 30%	30,888.00
6.	Peringkat tempoh tanggungan kecacatan – 5%	5,148.00
JUMLAH		102,960.00

Peringkat pembayaran semasa tempoh pembinaan untuk kos penyeliaan pembinaan beserta elaun tapak adalah merujuk kepada jadual di bawah:

Bil.	Tempoh Pembinaan	Kos Penyeliaan (RM)	Elaun Tapak (RM)
1	Bulan Pertama	5,512.50	800.00
2	Bulan Kedua	5,512.50	800.00
3	Bulan Ketiga	5,512.50	800.00
4	Bulan Keempat	5,512.50	800.00
5	Bulan Kelima	5,512.50	800.00
6	Bulan Keenam	5,512.50	800.00
7	Bulan Ketujuh	5,512.50	800.00
8	Bulan Kelapan	5,512.50	800.00
9	Bulan Kesembilan	5,512.50	800.00
10	Bulan Kesepuluh	5,512.50	800.00
11	Bulan Kesebelas	5,512.50	800.00
12	Bulan Keduabelas	5,512.50	800.00
	Jumlah	66,150.00	9,600.00



TERMA RUJUKAN

**PERUNDING KERJA – KERJA TANAH (“CONSULTANT
EARTHWORKS”), PEMBINAAN PAGAR & PEMBAIKAN
BANGUNAN**

DI

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
WILAYAH SARAWAK**

**LOT 894, LORONG DEMAK LAUT 3A, TAMAN
PERINDUSTRIAN DEMAK LAUT, 93050 KUCHING,
SARAWAK**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	LATARBELAKANG	3
2.0	OBJEKTIF PERKHIDMATAN PERUNDINGAN	6
3.0	SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING	6
4.0	TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING	9
5.0	KAEDAH PENETAPAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING	9
6.0	OUTPUT YANG DIHASILKAN	10
7.0	MAKLUMAT YANG BOLEH DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN KEPADA PERUNDING	10
8.0	RINGKASAN PROJEK	11

TERMA RUJUKAN LANTIKAN PERUNDING KERJA – KERJA TANAH (“CONSULTANT EARTHWORKS”), PEMBINAAN PAGAR & PEMBAIKAN BANGUNAN

1.0 LATARBELAKANG

MPC Sarawak terletak di Demak Laut pada keluasan tanah 13.2 ekar. Dibina pada tahun 1996 diatas kawasan paya nipah. Terdiri daripada 3 bangunan utama iaitu Blok Pentadbiran, Blok Latihan dan Dewan.

Laporan pemeriksaan keadaan fizikal bangunan oleh Jabatan Kerja Raya (cawangan aset bangunan) pada tahun 2016 di MPC Sarawak, mendapati bahawa keretakan dikawasan parameter longkang bangunan, dinding luar bersebelahan *walkway*, ruang pejalan kaki dan tangga luar adalah disebabkan mendapan tanah. Hasil siasatan pada 23 Julai 2020 daripada Prof. Ir. Dr. Ramli Nazir, pakar geotanan dan struktur tanah di MPC Sarawak mengesahkan keretakan yang berlaku telah merebak pada magnitud yang lebih besar disebabkan mendapan tanah. Tambakan tanah asal yang tidak mengikut standard yang disyorkan oleh JKR mengakibatkan struktur tanah tidak sekata dan membentuk kolam terutama tanah di kawasan lapang. Terdapat 3 komponen pembaikan utama yang perlu dilakukan iaitu kerja-kerja pembaikan lantai susur, pembaikan longkang dan pembaikan kawasan lapang dan pagar.

Bagi pembaikan pagar, dicadangkan agar membina asas cetek untuk tiang pagar dan rasuk tetulang pada bahagian jaringan pagar, manakala pembaikan kawasan lapang dicadangkan untuk memasang '*smart drainage system*' di kawasan padang berserta dengan collector drain untuk merendahkan paras air bumi dan menyalir keluar air ke longkang besar. Selain aktiviti pembaikan utama, bangunan utama (pentadbiran) perlu dicat semula kerana terdapat retakan pada dinding dan tiang yang perlu dibaiki.

1.1 Justifikasi

1.1.1 Tanah di MPC Sarawak yang mendap telah menyebabkan struktur bangunan MPC Sarawak bergerak dan mengakibatkan keretakan kepada struktur bangunan dan telah meruntuhkan pagar MPC.

1.1.2 Pemendapan tanah telah menyebabkan aktiviti luar (outdoor) seperti teambuilding dan riadah tidak lagi boleh dilaksanakan. Atas faktor keselamatan pelanggan MPC semua program teambuilding telah dibekukan sehingga keadaan selamat.

1.1.3 Mendapan tanah juga menjejaskan peluang untuk menambah pendapatan melalui sewaan tanah dan imej MPC Sarawak. Selain itu, ianya juga telah menyukarkan kerja-kerja lanskap dan pemotongan rumput akibat daripada mendapan tanah.

1.1.4 Pembaikan perlu dilakukan segera agar struktur dan utiliti tidak menjadi lebih teruk pada masa akan datang. Selain itu, kerja pembaikan ini dapat mengawal air bawah tanah supaya kesan enapan boleh dilambatkan serta merendahkan jumlah keseluruhan magnitud enapan.


1.1.5 Kelewatan untuk membaiki struktur bangunan yang rosak akan mengakibatkan kos pembaikan meningkat. Malah, keretakan pada dinding bangunan akan menjejaskan perkhidmatan MPC Sarawak.

1.1.6 Pembaikan pagar juga dapat memastikan segala kemudahan di pejabat MPC Wilayah Sarawak sentiasa terkawal dan terjaga sepanjang masa. Berdasarkan laporan dari pengawal keselamatan MPC mendapati terdapat cubaan daripada pihak luar untuk memasuki perkarangan MPC dan mengambil harta benda milik MPC namun gagal. Selain itu, anjing liar juga dilihat kerap memasuki kawasan MPC yang mana dikhuatiri akan mengganggu keselesaan dan keselamatan warga dan pelawat ke pejabat.

1.1.7 Langkah pencegahan awal agar keselamatan warga, kakitangan lain yang berkhidmat di bangunan dan pelawat ke MPC Wilayah Sarawak berada dalam keadaan selamat

1.2 Lokasi Dan Pelan Kawasan

Lokasi dan pelan kawasan projek adalah seperti tertunjuk dalam Rajah 1



Rajah 1 – Lokasi dan Pelan Kawasan Projek

2.0 OBJEKTIF PELANTIKAN PERUNDINGAN

- 2.1 Untuk memberi perkhidmatan perundingan dalam bentuk pendapat, khidmat nasihat, laporan pemantauan dan penilaian penambahbaikan yang akan dilaksanakan iaitu kerja-kerja tanah (earthwork), pembinaan pagar dan penambahbaikan
- 2.2 Untuk membantu pihak berkepentingan (MPC) dalam membuat keputusan dari segi kaedah pembaikan dan kos anggaran perbelanjaan yang akan terlibat untuk membantu menyediakan tender untuk kontraktor pembaikan.

3.0 SKOP PERKHIDMATAN PERUNDINGAN

- 3.1 Perunding yang ingin dilantik perlulah daripada berdaftar dalam e-Perunding Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta syarikat mempunyai ekuiti milik bumiputera
- 3.2 Perunding mempunyai pengalaman dalam skop bidang 330101: Kejuruteraan Awam dan 330102: Kejuruteraan Struktur. Perunding yang mempunyai skop bidang 33109: Kejuruteraan Geoteknik akan diberikan keutamaan
- 3.3 Lokasi perkhidmatan diperlukan di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak di Lot 894, Lorong Demak Laut 3A, Taman Perindustrian Demak Laut, 93050 Kuching Sarawak.
- 3.4 Kerja-kerja pembaikan yang memerlukan perkhidmatan perunding adalah:
 - i. Kerja-kerja penambahbaikan tanah (earthwork)
 - ii. Kerja-kerja pembinaan pagar dan
 - iii. Kerja-kerja penambahbaikan kerosakan bangunan, lantai susur serta pembaikan longkang.
- 3.5 Skop perkhidmatan perundingan:
Tugas-tugas dan tanggungjawab Perunding adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, seperti di dalam senarai di bawah ini.

3.5.1 Kajian Kejuruteraan, Rekabentuk Terperinci dan Tawaran Tender

- (a) Menyediakan pasukan pengurusan dan rekabentuk yang kompeten dengan keperluan dan kehendak projek. Pengarah projek atau pengurus projek adalah diwajibkan hadir pada setiap kali pembentangan, mesyuarat dan lawatan tapak serta lain-lain keperluan yang diarahkan.

- (b) Menyediakan Pelan Kualiti Projek (Project Quality Plan) yang menjelaskan berkenaan maklumat projek, input, piawaian, kod-kod amalan dan sebagainya.
- (c) Menjalankan kajian dengan mengumpul dan menganalisa data-data yang diperoleh untuk melaksanakan kerja-kerja rekabentuk dan memastikan projek tersebut mematuhi skop dan kriteria projek yang telah ditetapkan oleh MPC.
- (d) Menyediakan Terma Rujukan dan dokumen-dokumen berkaitan bagi keperluan-keperluan lain seperti Kerja Penyiasatan Tanah (SI) termasuk menentukan skop kerja, menyelia, menyemak dan mengesahkan kuantiti kerja-kerja yang telah dilaksanakan.
- (e) Memberikan laporan tambahan kepada MPC jika terdapat keperluan yang lebih kritikal daripada cadangan asal MPC.
- (f) Semua laporan dan pengiraan rekabentuk, serta lukisan rekabentuk hendaklah disahkan oleh Jurutera Professional dengan Sijil Amalan (PEPC).
- (g) Mendapatkan kelulusan daripada MPC jika berlaku perubahan rekabentuk.
- (h) Menyediakan anggaran kos dengan harga semasa pasaran dan mengikuti lokaliti projek dan membuat penilaian dokumen sebutharga kontraktor.
- (i) Menyediakan Dokumen Kontrak selepas tender di setuju terima termasuk proses semakan dan pelarasan harga.
- (j) Mencatat dan menyediakan minit/laporan bagi mesyuarat/lawatan berkenaan projek.
- (k) Kesemua dapatan dan hasil daripada kajian dan harta intelek adalah menjadi hak milik MPC sepenuhnya.

3.5.2 Penyeliaan Pembinaan

- (a) Melantik kakitangan yang mahir dan berpengalaman bagi menyelaraskan aktiviti pembinaan di tapak projek.

- (b) Seorang Penyelia Tapak diperlukan bagi memastikan tugas dijalankan dengan berkesan dan mempunyai pengalaman dalam penyeliaan projek kerja-kerja tanah, awam dan struktur.
- (c) Sebelum lantikan, penama yang berkeelayakan dan memenuhi syarat hendaklah dipohon kelulusan kepada MPC untuk pengawasan projek.
- (d) Menyediakan Laporan Kemajuan Bulanan Bergambar mengikut format yang bersesuaian dan mengemukakan laporan tersebut kepada MPC. Laporan antara lain menyatakan kemajuan sebenar berbanding cadangan asal, masalah yang dihadapi dan langkah-langkah mengatasinya, serta apa-apa amaran yang dikeluarkan kepada Kontraktor, jika ada.
- (e) Mengesyorkan perakuan bayaran kemajuan kepada Kontraktor secara bulanan atau mengikut tempoh yang dinyatakan di dalam syarat-syarat kontrak.
- (f) Memastikan semua syarat-syarat kontrak dipatuhi sepanjang tempoh kontrak.
- (g) Memaklumkan dengan segera secara bertulis kepada MPC beserta syor bagi mengatasi sebarang isu yang timbul sepanjang tempoh Kontrak.
- (h) Membuat Analisa dan mengesyorkan kepada MPC tuntutan kerugian akibat lanjutan masa, kerja-kerja tambahan, perubahan kerja atau perkar-perkara berkaitan dengan pentadbiran kontrak.
- (i) Menyedia dan menesyorkan Perakuan Kelambatan Dan Pelanjutan Masa (EOT), Perakuan Siap Kerja (CPC), Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dan dokumen-dokumen pentadbiran kontrak yang lain apabila diperlukan.

3.5.3 Tempoh Tanggungan Kecacatan

- (a) Mengenalpasti dan menyediakan laporan kecacatan, ketidaksempurnaan dan kerosakan di sepanjang tempoh tanggungan kecacatan.
- (b) Sekiranya berlaku ketidakpatuhan, Perunding adalah bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengemukakan cadangan pembaikan kepada pihak Kontraktor dan melakukan pemeriksaan serta mengesahkan kerja tersebut.

- (c) Mengarahkan Kontraktor mengemukakan method statement untuk membaiki segala kecacatan, ketidaksempurnaan dan kerosakan tersebut dalam masa yang ditetapkan.
- (d) Perunding hendaklah mengemukakan perakuan muktamad selepas Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan.
- (e) Menyusun semua aduan dan mengemukakan kerja-kerja pembetulan / pembaikan dilakukan oleh Kontraktor.
- (f) Mamantau, memeriksa dan mengesahkan kerja-kerja pembetulan / pembaikan dilakukan oleh Kontraktor.
- (g) Memeriksa dan menyusun senarai kecacatan akhir pada akhir tempoh tanggungan kecacatan serta memantau dan mengesahkan bahawa kerja-kerja pembetulan / pembaikan telah dilaksanakan dan mengesyorkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD).

4.0 TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDINGAN

Tempoh perkhidmatan perundingan adalah sepertimana jadual dibawah:

Bil	Peringkat	Tempoh
1.	Kajian tanah dan rekabentuk	5 bulan
2.	Tender	2 bulan
3.	Pembinaan	12 bulan
4.	Tempoh Tanggungan Kecacatan	12 bulan

Perunding mesti menyelesaikan semua skop perkhidmatan walaupun selepas tamat tempoh perkhidmatan perunding dan segala bayaran adalah berdasarkan amaun kontrak atau apa-apa amoun yang diluluskan.

5.0 KAEDAH PENETAPAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDINGAN

5.1 Yuran Profesional

Yuran Profesional adalah berdasarkan Scale of Fee (Revised 1998) – P.U. (B) 548 yang diterbitkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Yuran Profesional adalah berdasarkan purata P(min) dan P(max) seperti yang dikira berdasarkan Scale of Fee (Revised 1998).

5.2 Kos Penyeliaan Pembinaan, Elaun Tapak dan Kos Imbuhan Balik

Pengiraan bagi anggaran kos bagi penyeliaan pembinaan, elaun tapak dan kos Imbuhan balik bagi tempoh rekabentuk dan pembinaan berdasar tempoh input masa yang berkaitan. Kos ini juga termasuk *soil investigation works, communication cost, drawings, reports & documents*, dan *drawings and binding*

6.0 OUTPUT YANG DIHASILKAN

Output yang dihasilkan oleh Perunding adalah seperti berikut:

- a) Kajian kejuruteraan / geoteknik untuk setiap skop kerja pembaikan (earthwork, pembinaan pagar dan pembaikan struktur perparitan, building apron, walkway dan kerja-kerja berkaitan)
- b) Laporan *soil investigation works*
- c) Rekabentuk terperinci untuk setiap skop kerja pembaikan
- d) Pelan Kualiti Projek
- e) Laporan anggaran kos dengan harga semasa pasaran dan mengikuti lokaliti projek Penyediaan tawaran tender untuk setiap skop kerja pembaikan
- f) Laporan kemajuan projek bagi setiap tiga bulan mengenai kerja kontraktor
- g) Dokumen kontrak selepas tender di setuju terima oleh MPC termasuk proses semakan dan pelarasan harga.
- h) Minit/laporan bagi mesyuarat/lawatan berkenaan projek.

7.0 MAKLUMAT YANG BOLEH DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN KEPADA PERUNDING

Maklumat yang boleh disediakan oleh MPC kepada perunding adalah seperti berikut:

- a) Laporan pemeriksaan bangunan MPC Sarawak yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 2016
- b) Site layout dan locality Plan MPC Sarawak
- c) Pelan lantai Blok Inovasi, Ibu Pejabat MPC yang sediaada
- d) Anggaran kos projek yang terlibat (earthwork, pembinaan pagar dan pembaikan struktur perparitan, building apron, walkway dan kerja-kerja berkaitan)

8.0 RINGKASAN PROJEK

8.1 Anggaran Perbelanjaan Kos Pembinaan

Anggaran awal bagi kos pembinaan bagi projek ini adalah sebanyak RM1.65 juta. Perincian berdasarkan skop kerja awalan seperti berikut:

	PERKARA	KOS (RM)
1.	Kerja-kerja pembaikan tanah	650,000.00*
2.	Pembaikan struktur perparitan, building apron, walkway dan kerja-kerja berkaitan	250,000.00
3.	Pemasangan pagar baharu anti-climb fencing di sekeliling boundry lot tanah MPC Sarawak	700,000.00
	Jumlah	1,650,000.00

**Kos membaikpulih struktur tanah akan mengikut konsep pembaikan dan keluasan baikpulih struktur tanah*

8.2 Spesifikasi Tugas Pembaikan

Spesifikasi tugas pembaikan adalah seperti berikut:

8.2.1 Melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur

- Untuk menjalankan site investigation.
- Memberikan nasihat pembaikan keseluruhan (tanah, saluran air, pagar, dan keretakan).
- Untuk memberi cadangan dan menyediakan konsep pembaikan yang bersesuaian.
- Merekabentuk saluran bawah tanah.

8.2.2 Membaik pulih tanah dan menambak tanah

- Pembersihan kawasan tanah.
- Membaikpulih struktur tanah dan membina saluran air bawah tanah (open field drainage systems – fishbone) termasuk kawasan tadahan air.
- Membekalkan bahan-bahan dan peralatan yang diperlukan untuk membaik pulih tanah dan menambak tanah.
- Membaikpulih struktur tanah akan mengikut konsep pembaikan dan keluasan baikpulih struktur tanah.

8.2.3 Membina semula struktur pagar

- Membersihkan struktur pagar lama dan membuang struktur lama daripada kawasan (clearing site)
- Membina asas cetek untuk tiang pagar dan rasuk tetulang (reinforce beam) pada bahagian jaringan pagar
- Membekalkan pagar anti-theft (Hot Dip Galvanized Versatile Fence – V Series)
- Mengecat dinding pagar
- Membersihkan kawasan selepas pemasangan pagar

8.2.4 Membaiki keretakan di longkang dan bangunan

- Membina semula sistem perimeter longkang dengan pemasangan besi tetulang
- Membina skirting slab pada sekeliling kaki bangunan
- Menyambung semula lantai secara ikatan pada tetulang suspended slab

8.2.5 Mengecat bangunan utama (blok pentadbiran)

- Membersihkan dinding dan kupas cat lama
- Membekalkan cat yang bersesuaian
- Mengecat bangunan (buruh dan peralatan)
- Menampal struktur dinding yang retak dengan simen sebelum di cat.


**4CADANGAN KERJA-KERJA TANAH, PEMBINAAN PAGAR & PEMBAIKAN
BANGUNAN DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH
SARAWAK**

SENARAI NAMA KAKITANGAN PERUNDING YANG TERLIBAT DALAM PROJEK

Bil	Nama Pasukan	Tempoh Pengalaman Bekerja (Tahun)	Kelulusan Akademik Tertinggi	Peranan
1	Ir. Rudy Zulfika bin Yusof	18	Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Awam – Universiti Malaya)	Project Director
2	Ir. Loh Leh Goh	40	Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Awam – Universiti Malaya)	Technical Advisor
3	Ir. Liew Siaw Kiat	23	Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Awam – Universiti Teknologi Malaysis)	Project Manager
4	Sr. Bong Siak Khiun	31	Ijazah Sarjana Muda (Building - University of New South Wales, Australia)	Quantity Surveyor
5	Lee Lam Seng	33	Ijazah Sarjana Muda (Geologi - Universiti Kebangsaan Malaysia)	Geologist
6	Ir. Tan Tai Kang	30	Ijazah Sarjana Muda (Civil Eng. - University of New South Wales, Australia)	Technical Specialist (Civil)
7	Richard Po	38	Lower Certificate Education	Pelukis Pelan
8	Mohd. Hafizudin bin Afandi	6	Diploma (Information Management – Unlversliti Teknologi MARA)	Inspector of Work (Construction)

CADANGAN KERJA-KERJA TANAH, PEMBINAAN PAGAR & PEMBAIKAN BANGUNAN DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SARAWAK

CARTA ORGANISASI





**MPI
GENERALI**

KTA (SARAWAK) SDN BHD
LOT 8050-3, SECTION 04
JALAN SIMPANG TIGA
93350 KUCHING
SARAWAK

PROFESSIONAL INDEMNITY POLICY

Policy No : LPI-L0088293-60
Account No : DQN01508

HEAD OFFICE 8th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur. Postal Address: P.O. Box 10122, 50704 Kuala Lumpur. P +603 2034 9888, F +603 2694 5758, +603 2694 5759 mpigenerali.com

WEST MALAYSIA BRANCH OFFICES

ALOR SETAR	2nd Floor Unit 5A, No. 55, Bangunan Emum 55, Jalan Gangsa, Kawasan Perusahaan Mergong 2, 05150 Alor Setar, Kedah. P +604 735 7007 F +604 735 7000
BATU PAHAT	16-A PTD 55005 Jalan Ceria, Pusat Perniagaan Ceria, Jalan Kluang, 83000 Batu Pahat, Johor. P +607 439 5717 F +607 439 5727
IPOH	63 & 65, Jalan Chung Thye Phin, 30250 Ipoh, P.O. Box 107, 30710 Ipoh, Perak. P +605 241 0396, +605 241 0988 F +605 241 6307
JOHOR BAHRU	Unit 1903 & 1904, Level 19, City Plaza, Jalan Tebrau, 80300 Johor Bahru, Johor. P +607 268 7600, F +607 268 7666, +607 268 7668
KANGAR	2nd Floor, No. 366 Taman Mutiara, Jalan Kangar – Alor Setar, 01000 Kangar, Perlis. P +604 979 3188, +604 979 3288 F +604 979 3588
KLANG	No. 11B, 2nd Floor, Jalan Kelayang, Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor. P +603 3343 6898 F +603 3348 8828
KOTA BHARU	Lot 385, T/Blok 13, Jalan Jambatan Sultan Yahya Petra, Kg. Sireh, 15050 Kota Bharu, Kelantan. P +609 748 7697, +609 748 7779 F +609 748 1597
KUANTAN	No. 3 & 5, Tingkat 2, Transit Point, Jalan Dato' Lim Hoe Lek, 25000 Kuantan, Pahang. P +609 513 5288 F +609 513 3993
